

Rafidah mohon maaf kepada Dr. Mahathir

UM 21 JUN 2003
KUALA LUMPUR 21 Jun — Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini memohon maaf kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di atas tindakannya mengganggu Presiden UMNO itu semasa beliau mengumumkan untuk meletak jawatan sebelum mengakhiri ucapan penggulungannya pada Perhimpunan Agung UMNO tahun lalu.

Beliau mengambil kesempatan semasa membuat ucapan penggulungannya pada hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO ke-54 ini untuk memohon maaf kepada Dr. Mahathir di hadapan perwakilan UMNO yang turut terharu mendengar permohonan maafnya itu.

Sambil mengakui tindakannya itu sebagai kurang tertib Rafidah menjelaskan ia dilakukan kerana pada masa itu beliau, ahli-ahli UMNO dan rakyat belum bersedia untuk menerima persaraan Dr. Mahathir.

Dalam nada sebak beliau berkata: "Saya ingin menuntut **berbanyak-banyak** maaf daripada Yang Amat Berhormat (YAB) Datuk Seri Presiden kerana pada masa Datuk Seri Presiden **memberi** ucapan di Perhimpunan Agung tahun lalu saya telah mengganggu dan memaksa YAB untuk berhenti daripada meneruskan ucapan.

"Mungkin tindakan saya itu kurang tertib dan mengganggu perasaan YAB Datuk Seri Presiden, tetapi saya, ahli-ahli UMNO dan rakyat pada masa itu belum bersedia untuk menerima persaraan Datuk Seri daripada parti dan kerajaan. YAB Datuk Seri saya menuntut **berbanyak-banyak** maaf."

Pada 22 Jun tahun lalu Dr. Mahathir Mohamad mencemaskan seluruh negara apabila membuat pengumuman mengejut meletakkan jawatan Presiden UMNO, Pengerusi Barisan Nasional dan semua jawatan dalam parti.

Rafidah adalah orang pertama yang menerpa ke arah Dr. Mahathir di rostrum sambil berkata: "*Why? (mengapa), why, you shouldn't do this?* (tak boleh buat macam ni).

Dalam pada itu, mengenai pengganti Dr. Mahathir, Rafidah berkata, Wanita UMNO akan memberikan sokongan padu terhadap Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan mengambil alih kedudukan paling tinggi dalam kerajaan dan parti itu Oktober ini.

"**Insyallah** Datuk Seri Abdullah akan mengambil alih dengan teratur dan tersusun dan dengan restu UMNO, pucuk pimpinan UMNO dan kerajaan. Bagi pihak diri saya dan Pergerakan Wanita UMNO, kami menyatakan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada Pak Lah," katanya.

Wanita UMNO jelas beliau, akan menyokong sepenuhnya sesiapa sahaja calon pilihan Abdullah sebagai timbalannya dan tidak akan sama sekali mempersoalkan calon pilihan beliau itu.

"Pak Lah, pilihlah pembantu dan pasukan dalam parti dan kerajaan yang Pak Lah anggap boleh meneruskan **bersama-sama** Pak Lah. Pencapaian cemerlang parti dan negara yang telah diasaskan oleh Presiden **parti** kita waktu ini.

"Pesanan kami kepada ahli-ahli UMNO ialah kita biarlah Datuk Seri Abdullah menentukan pilihannya tanpa desakan, **tanpa lobi-melobi**," katanya.